

30/07/2001

Pelajar Bumiputera perlu insaf, terus belajar

LANGKAH mengetatkan kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bukan lagi sekadar cakap-cakap atau amaran. Sebagaimana dibayangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, ia mungkin dilaksanakan seawal sesi pengambilan semester akan datang. Mungkin ada pihak mengandaikan ketegasan Perdana Menteri berhubung kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA berdasarkan kecemerlangan dan tanpa bantuan kerajaan sebagai terburu-buru. Dalam pada itu, ia mencerminkan betapa seriusnya sindrom malas belajar serta penentangan terbuka terhadap kerajaan di kalangan pelajar Bumiputera, khususnya lelaki, yang menular di kampus ketika ini.

Hanya beberapa bulan lalu, isu kuota ke IPTA begitu hangat diperdebatkan. Sambil kerajaan amat bertegas dalam mempertahankannya daripada dicabar, malangnya kesedaran di kalangan pelajar Bumiputera sendiri amat mengecewakan. Daripada menginsafi bahawa keistimewaan dan bantuan yang diberikan wajar dihargai dengan sebaik-baiknya, sesetengah pelajar Bumiputera beranggapan ia adalah sesuatu yang menjadi hak mereka. Jauh daripada berterima kasih, mereka sebaliknya menjadi bongkak hingga tergamak mengemukakan pelbagai tuntutan. Ini disusuli pula ancaman untuk berkempen menyokong parti pembangkang - pihak yang langsung tiada kaitan dengan kemasukan mereka ke universiti.

Syarat kemasukan yang lebih ketat bagi pelajar Bumiputera selepas ini harus memberi pemahaman yang berbeza mengikut individu. Kelompok yang berdisiplin dengan fokus hanya untuk memburu kecemerlangan, tidak akan berasa apa-apa sekalipun Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 dipinda. Sebaliknya, kumpulan yang menjadikan universiti sebagai forum berpolitik menentang kerajaan dan berdemonstrasi yang akan lebih terasa bahangnya. Apatah lagi dengan perjanjian yang akan diwajibkan ditandatangani, mereka yang tidak belajar, kerap ponteng kuliah atau gagal menyiapkan tugas yang diberikan pensyarah, berdepan kemungkinan disingkirkan.

Cuma kebimbangan ketika ini ialah langkah terbaru itu akan terus mengurangkan jumlah pelajar lelaki Bumiputera di IPTA. Perangkaan tahun lalu menunjukkan jumlah pelajar lelaki Melayu di IPTA hanya 37 peratus berbanding 63 peratus pelajar wanita. Tahun ini pula, nisbahnya terus merosot kepada 30 peratus pelajar lelaki Melayu dan 70 peratus pelajar wanita. Dengan pengambilan berdasarkan meritokrasi, ketidakseimbangannya harus lebih ketara selepas ini. Dalam pada itu, kita percaya tindakan radikal itu sudah dihalusi Majlis Tertinggi (MT) Umno yang bermesyuarat Sabtu lalu dan ia harus menjadi cabaran kepada pelajar Bumiputera keseluruhannya.

Dalam kepesatan pembangunan hari ini, sumber tenaga kerja wanita adalah penting untuk negara. Namun, negara juga memerlukan ramai lelaki terpelajar. Sekiranya jurang jantina berterusan dalam bidang pendidikan, seterusnya dalam sektor pekerjaan, ia mungkin menimbulkan suasana yang tidak seimbang. Dalam mengetatkan kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA, kita berharap sedikit kelonggaran diberikan kepada calon lelaki Bumiputera yang benar-benar berminat untuk belajar. Begitupun, mereka akan tetap tertakluk kepada pelbagai syarat perjanjian tanpa sebarang pengecualian terhadap nilai-nilai yang harus ditegakkan oleh seseorang pelajar institusi pengajian tinggi. Moga-moga apa yang dihasratkan agar ada kejutan di kalangan pelajar Bumiputera supaya tidak lagi mengabaikan

pelajaran, diinsafi akhirnya.

(END)